

KTPK 18/4/2.01Jld.5(1 )



Ibu Pejabat  
Jabatan Ukur Dan Pemetaan  
Jalan Semarak  
50578 Kuala Lumpur

23 Januari, 1998.

**PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL. 1TAHUN 1998**  
**Pengesahan Bagi Pelan Surat Hakmilik**

**1. Tujuan**

Pekeliling ini bertujuan untuk menyeragamkan penggunaan sijil pengesahan bagi pelan surat hakmilik tanah yang dikeluarkan mengikut peruntukan seksyen 86(c) dan 87( c) KTN 1965, pelan hakmilik strata yang dikeluarkan mengikut seksyen 16(2)(b) Akta Hakimilik Strata 1985 dan juga Pajakan Lombong yang dikeluarkan mengikut Seksyen 27 Enakmen Lombong (Mining Enactment)(Cap147).

**2. Latarbelakang**

- 2.1 Mengikut amalan sekarang, pengesahan bagi pelan-pelan surat hakmilik tanah, hakmilik strata dan pajakan lombong dibuat berdasarkan kepada peruntukan seksyen 3 Akta Pelan dan Dokumen Tanah dan Lombong (Salinan Fotografi) 1950 (Semakan 1980). Pelan tersebut diambil samada sebahagian atau keseluruhannya daripada pelan akui asal dan pengesahan dibuat menggunakan pernyataan sijil yang seperti dinyatakan di perenggan 3 Pekeliling KPUP Bil. 1 / 1985.
- 2.2 Pengesahan ke atas salinan fotografi pelan yang diambil sebahagian dan keseluruhannya daripada pelan asal perlu dibuat menggunakan pernyataan sijil yang berasingan serta memastikan penggunaannya adalah sah disisi undang-undang yang digunakan.

**3. Salinan Fotografi Sebahagian Pelan**

- 3.1 Sekiranya melibatkan lot yang kecil, salinan fotografi sebahagian pelan akui

hendaklah dibuat.

- 3.2 (a) Satu sijil hendaklah dibuat dan mengandungi pernyataan berikut :

"Adalah diakui mengikut seksyen 3 dalam Akta Pelan dan Dokumen Tanah dan Lombong (Salinan Fotograf) 1950 (Semakan 1980), bahawa ini ialah salinan pelan yang betul lagi benar yang telah dibuat pada ..... bagi lot ..... di dalam .....  
(contoh: Mukim/Bandar/Pekan ..... dsbnya), .....  
(contoh: Daerah/Jajahan) seperti ditunjuk di atas pelan ..... "

.....  
Pengarah Ukur

- (b) Kaedah yang sesuai bagi menyediakan sijil hendaklah ditetapkan misalnya dengan menyediakan bingkai-bingkai yang mengandungi pernyataan sijil secara berasingan untuk digunakan semasa mengambil salinan pelan. Cara ini akan dapat mengelakkan potongan serta tanda tangan ringkas dibuat di atas setiap salinan pelan surat hakmilik yang disediakan.

#### 4. Salinan Fotograf Keseluruhan Pelan

- 4.1 Sekiranya melibatkan lot yang besar yang tidak dapat dimuatkan dalam bingkai yang disediakan, salinan fotograf keseluruhan pelan akui dan pelan akui strata hendaklah dibuat.

- 4.2 (a) Satu sijil hendaklah dibuat dan mengandungi pernyataan berikut :

" Adalah diakui mengikut seksyen 3 dalam Akta Pelan dan Dokumen Tanah dan Lombong (Salinan Fotograf) 1950 (Semakan 1980), bahawa ini ialah salinan pelan ..... yang betul lagi benar yang telah dibuat pada ..... "

.....  
Pengarah Ukur

- (b) Maklumat-maklumat seperti nombor lot, Mukim, Bandar dan sebagainya tidak perlu dinyatakan dalam sijil oleh kerana maklumat-

maklumat tersebut telah ditunjukkan di atas salinan pelan apabila salinan keseluruhan pelan diambil.

**5. Tarikh Berkuatkuasa**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh pengeluarannya.

**6. Pemansuhan**

Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini , perenggan 3, Pekeliling KPUP Bil. 1 / 1985 dan surat-surat bilangan KTPK 18/6/1.61 Jld. 2 (65) bertarikh 28.4.1995 dan KTPK 18/7/2.01/(73) bertarikh 17.9.1997 adalah dengan ini dibatalkan.

Sekian.

**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

**t.t**

**(DATO' ABDUL MAJID BIN MOHAMED)**

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Malaysia.

**Edaran Kepada :**

Semua Pengarah Ukur Negeri

**Salinan kepada;**

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan  
Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan)  
Pengarah Ukur Bahagian (Penyelarasian Kadaster)  
Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan)  
Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik)